

02/05/1997

Caj baru tidak jejas pelaburan

Kamal Ahmad; Izman Ismail

SUBANG, Khamis - Penguatkuasaan tarif caj baru bekalan elektrik mulai hari ini tidak akan menjejaskan minat dan pertumbuhan pelaburan tempatan, kata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Menurutnya, kenaikan tarif itu hanya membabitkan antara 0.1 dan 2.0 peratus kos keseluruhan pengeluaran.

Tarif itu dijangka berkuatkuasa sekurang-kurangnya dua tahun sebelum dikaji semula.

Mulai hari ini, purata kenaikan caj bekalan elektrik yang dikenakan kepada pengguna ialah 1.8 sen kepada 23.5 sen berbanding 21.7 sen sehingga semalam.

Beliau berkata, kos pembekalan tenaga elektrik di negara ini merangkumi kos sumber bahan api, jentera, kelengkapan dan pembiayaan pinjaman semakin meningkat.

"Itulah sebabnya kita menaikkan tarif berkenaan," katanya kepada Berita Harian di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, sebelum berlepas ke Malawi pagi ini.

Moggie menyertai rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan sehingga 7 Mei depan ke Malawi, Botswana dan Afrika Selatan bagi mempertingkatkan hubungan perdagangan dua hala dengan negara berkenaan.

Sementara itu, ahli Majlis Hal Ehwal Pengguna Kebangsaan, Datuk Lee Lam Thye, berkata kerajaan sepatutnya mengkaji kesan kenaikan itu sebelum mendakwa ia tidak membebankan pengguna.

Menurutnya, setiap kali kenaikan tarif elektrik, pekilang akan memindahkan kos tambahan itu kepada pengguna sehingga menyebabkan kenaikan harga barang.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan berhati-hati sebelum meluluskan sebarang kenaikan kerana ia berkemungkinan akan meningkat lagi pada masa depan.

Lee turut mempersoalkan alasan yang dikemukakan Moggie iaitu bagi mengelakkan TNB mengalami kerugian kerana sejak diswastakan, syarikat berkenaan sentiasa mencatatkan keuntungan.

"Saya yakin TNB tidak rugi jika kadar tarif sekarang dikekalkan tetapi kerajaan sudah membuat keputusan dan rakyat terpaksa menerimanya," katanya.

Lee meminta TNB memberi jaminan mutu perkhidmatan syarikat berkenaan diperbaiki terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi.

"Ini termasuk mengurangkan masalah bekalan elektrik terputus, kemalangan yang berpunca litar pintas dan menyempurnakan bekalan elektrik di luar bandar," katanya.

Di MELAKA, DAP menyifatkan keputusan Kabinet meluluskan tarif caj baru elektrik it sebagai `silap' dan membelakangkan kepentingan orang ramai.

Ketua Pemudaanya, Lim Guan Eng, berkata kenaikan itu secara tidak langsung menggagalkan usaha kempen inflasi sifar dan juga dasar pengswataan kerajaan yang menjanjikan perkhidmatan lebih baik, efisien dan murah.

(END)